



Tangani cabaran sebagai usahawan

Kebanyakan mahasiswa tidak berminat untuk menceburi bidang keusahawanan kerana pelbagai cabaran yang terpaksa ditempuhi untuk menjadi seorang usahawan yang berjaya. Sememangnya diakui

untuk menjadi usahawan berjaya bukanlah mudah. Cabaran ini menjadi semakin hebat dengan keadaan semasa ekonomi global yang tidak stabil.

Sehubungan dengan itu, penganjur seminar keusahawanan untuk mahasiswa

perlu untuk mendedahkan kepentingan ilmu dan kemahiran yang lengkap selain kekuatan mental bagi mengharungi cabaran dan persaingan dunia keusahawanan sebenar.

Selain itu, seminar seumpama itu dapat mende-

dahkan kepada mahasiswa mengenai peluang yang berpotensi diterokai untuk mengubah gaya hidup mereka di samping dapat mengubah persepsi mereka bahawa kerja makan gaji sahaja dapat menjamin kelangsungan hidup.

Pakej keusahawanan

Kelab Sekretariat Rukun Negara, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dengan kerjasama Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, menganjurkan Seminar Keusahawanan Mahasiswa baru-baru ini dengan memabatkan penyertaan hampir semua kelab serta persatuan yang berdaftar di bawah Bahagian Hal Ehwal Pelajar USIM.

Peserta seminar terbabit diberi taklimat secara ringkas dan padat mengenai pakej keusahawanan serta bidang perniagaan yang boleh diceburi sekiranya mereka tidak mendapat tempat dalam pasaran kerja.

Seminar itu berjaya menyampaikan mesej dengan jayanya yang mana majoriti peserta menunjukkan minat untuk menceburi bidang keusahawanan apabila bertalu-talu soalan diajukan kepada penceramah seminar berkaitan pelbagai aspek keusahawanan serta peluang yang disediakan oleh pihak kerajaan bagi membantu golongan usahawan.

Hal ini selaras dasar serta saranan pihak kerajaan khususnya Kementerian Pendi-

“
**MODAL INSAN
IALAH ASET
BERHARGA
KEPADA SESEBUAH
NEGARA KERANA
MEREKA MENJADI
PEMANGKIN
KEPADA
TRANSFORMASI
EKONOMI NEGARA
KE ARAH EKONOMI
BERPENDAPATAN
TINGGI DAN
BERPAKSIKAN
INTEGRITI”**

dikan Tinggi menggalakkan pelajar untuk tampil berani meneroka bidang keusahawanan yang mampu memberi peluang kerjaya dan pendapatan lumayan kepada mereka yang berani.

Malah, seharusnya

menyuntik semangat mahasiswa untuk menceburkan diri dalam bidang perniagaan bersesuaian dengan hadis Rasulullah SAW yang menyatakan bahawa sembilan daripada 10 sumber rezeki adalah daripada aktiviti perniagaan.

Suntik semangat

Mahasiswa diharapkan menjadi modal insan yang lebih intelektual serta mempunyai keyakinan diri dalam mencari punca rezeki selepas tamat pengajian.

Modal insan ialah aset berharga kepada sesebuah negara kerana mereka menjadi pemangkin kepada transformasi ekonomi negara ke arah ekonomi berpendapatan tinggi dan berpaksikan integriti dalam usaha mencapai status negara maju menjelang 2020.

Menurut kajian, jurang pendapatan isi rumah yang tinggi antara penduduk kaya dan miskin semakin lebar. Bagi mengurangkan jurang ini, golongan mahasiswa dan belia dilihat dapat mengurangkan jurang itu melalui aktiviti keusahawanan.

Penganjur seminar keusahawanan di universiti di harap dapat memberi impak dan kesedaran kepada peserta untuk berani menceburi bidang keusahawanan sebagai pilihan kerjaya.

Mahasiswa yang berminat untuk menghantar rencana, boleh e-mel ke bhvarsiti@bh.com.my



Sebahagian pelajar USIM yang menyertai seminar keusahawanan baru-baru ini.